


TARIKH	21 / 01 / 2016	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	20	RUANGAN	

## Perbicaraan kes kren tumbang bermula



Tragedi berlaku beberapa minggu sebelum umat Islam memulakan ibadah Hajj. FOTO: AFP

MAKKAH - Biro Siasatan dan Pendakwaan Awam (BIPP) di Riyadh membuka kembali fail kes tragedi kren tumbang di Masjidil Haram di pejabatnya di Makkah bagi menyelesaikan siasatan dan menyediakan pertuduhan kepada beberapa orang.

Menurut laporan media tempatan memetik sumber sebagai berkata, dakwaan mungkin melibatkan pembunuhan, kecuaian dan melanggar peraturan keselamatan terhadap jurutera, pengurus projek serta pegawai lain.

"Kes mahkamah akan memberi

tumpuan kepada bagaimana kren didirikan di masjid itu, dengan mengambil kira bilangan besar orang ramai yang berada di dalam kawasan tersebut," menurut sumber.

Pemerintah Arab Saudi Raja Salman mengarahkan BIPP untuk menyiasat insiden berkenaan termasuk menyiasat eksekutif dan kakitangan syarikat kontraktor, Bin Laden Group.

September tahun lalu, seramai 107 jemaah maut dan 238 yang lain cedera dalam kejadian kren tumbang diperkatakan akibat ribut. *Arab News*